

29 JUL 2001

UTAR - Tapak

TAPAK UTAR AKAN DITETAPKAN SEBELUM AKHIR TAHUN

KANGAR, 29 Julai (Bernama) -- Meskipun MCA menerima banyak tawaran tanah untuk dijadikan tapak Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) namun parti itu masih belum memutuskan lokasi kampus induknya.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang berterima kasih terhadap tawaran-tawaran itu berkata, keputusan mengenai lokasi universiti itu akan dibuat dalam tahun ini juga.

Yang terbaru, kerajaan Perak menawarkan MCA mana-mana tapak yang difikirkan sesuai di negeri itu untuk dijadikan tapak UTAR.

"MCA amat berterima kasih kepada pihak-pihak yang menawarkan tapak kerana kita bukan sahaja akan membina kampus induk malah kampus cawangan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan konvensyen MCA Perlis di hotel Putra Palace di sini hari ini.

Ling berkata, UTAR yang akan mula beroperasi tahun depan bukan sahaja sebagai universiti untuk semua kaum malah akan membuka peluang kepada para pelajar asing.

Ditanya sama ada MCA berminat untuk mendapatkan khidmat para pensyarah yang berkhidmat di luar negara, Ling berkata, pihaknya menerima banyak tawaran daripada mereka.

"Kami akan timbangkan tawaran mereka dan amat berterima kasih terhadap sokongan mereka berkaitan penubuhan UTAR," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad kerana turut memberi sokongan terhadap penubuhan UTAR.

-- BERNAMA

AD RI